

**KAJIAN MENGENAI KEMAHIRAN BELAJAR YANG
DIAMALKAN OLEH MAHASISWA MAHASISWI SEPENUH MASA
DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SARAWAK
KAMPUS SAMARAHAN**

DISEDIAKAN OLEH:

RUVI CHRISTINA AKAT 2000261448

FLORENCE SENDAU 2000261528

SUHAILMIE BIN MAIL 2000428660

TONY MICHEAL 2000664784

**KERTAS PROJEKINI DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI
PENTADBIRAN DAN UNDANG UNDANG UNIVERSITI
TEKNOLOGI MARA BAGI MEMENUHI KEPERLUAN SYARAT
DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM.**

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

MEI 2003

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai kemahiran teknik belajar di kalangan mahasiswa sepenuh masa yang merangkumi pelajar dari peringkat Diploma dan Ijazah di Universiti Teknologi Mara, Kampus Samarahan, Cawangan Sarawak. Ianya di lihat dalam konteks untuk mengenal pasti apakah teknik-teknik atau kaedah-kaedah belajar yang paling sesuai untuk diamalkan oleh seseorang pelajar Institusi Pengajian Tinggi. Di samping itu, ia juga untuk mengenal pasti apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh para pelajar dalam pencapaian akademik dan seterusnya mencari penyelesaian yang bersesuaian untuk mengatasi masalah-masalah tersebut. Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisa sistem dan teknik belajar para pelajar dalam pencapaian akademik sekaligus untuk menilai serta membuat perbandingan faktor-faktor yang menyumbang kepada pencapaian cemerlang di dalam akademik. Sampel kajian ini terdiri dari 100 orang responden. Responden dipilih melalui kaedah persampelan rawak dengan mengedarkan borang soal selidik kepada mereka. 100 orang responden ini adalah jumlah wakil daripada seluruh program yang ditawarkan di sini. Secara keseluruhannya, setiap pelajar mempunyai cara dan teknik belajar yang tersendiri di mana ianya menentukan kecemerlangan prestasi akademik mereka. Namun, tabiat para pelajar yang suka belajar dan bersedia awal dari pelbagai aspek yang menjuruskan mereka ke arah potensi kecemerlangan yang lebih tinggi. Masalah yang wujud dalam diri seseorang pelajar disebabkan oleh faktor-faktor dalaman dan juga luaran di mana ianya berhubungkait dengan keadaan persekitaran serta perhubungan dengan orang lain yang menjadi penentu kepada pencapaian cemerlang seseorang pelajar di dalam akademiknya.

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Surat Penyerahan	i
Penghargaan	iii
Senarai Jadual Dan Graf	v
Abstrak	vi
Bab 1 LATAR BELAKANG KAJIAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyata Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Hipotesis	6
1.6 Andaian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Batasan Kajian	9
1.9 Rangka Susunan Bab	11
Bab 2 TINJAUAN KARYA	12
Bab 3 METODOLOGI	
3.1 Populasi Kajian	21
3.2 Sampel Kajian	21
3.3 Kaedah Persampelan Rawak Berstrata	22
3.4 Data Primer	22
3.5 Data Sekunder	23
Bab 4 ANALISIS DATA	24
Bab 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1 Kesimpulan	33
5.2 Cadangan	37

LAMPIRAN

- Borang Soal Selidik**
- Bibliografi**
- Senarai Istilah Dan Konsep**
- Anggaran Perbelanjaan**
- Carta Perlaksanaan**

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 PENGENALAN

Menuntut ilmu sememangnya sudah lama menjadi kunci utama dalam mempertabatkan tamadun sesebuah bangsa. Pendidikan membolehkan seseorang memperbaiki dan meningkatkan lagi kualiti hidup, daya pemikiran, hasil kerja, status sosial, dan khidmat baktinya kepada bangsa, agama dan negaranya.

Pendidikan juga merupakan salah satu sistem sosial yang penting bagi pembangunan dan kemajuan masyarakat. Dari segi pembangunan sosial, pendidikan diiktiraf sebagai mediaum untuk mencapai matlamat negara dalam megekalkan perpaduan dan integrasi nasional.

Kecemerlangan dalam bidang pendidikan atau akademik tidak semata-mata di tentukan oleh kerajinan seseorang pelajar dalam mengulangkaji pelajarannya. Sebaliknya, perkara atau aspek yang penting yang perlu di beri perhatian ialah kebijaksanaan para pelajar mencipta dan mengaplikasikan teknik-teknik belajar dan seterusnya apabila mereka mempunyai masalah dalam pembelajaran mereka memerlukan penyelesaian dan pendekatan yang berbeza untuk mengatasi masalah itu. Berdasarkan pengalaman, aspek-aspek mudah lupa, mengantuk, keletihan, kurang bermotivasi,dan sebagainya merupakan masalah yang sering di hadapi oleh pelajar.

BAB 2

TINJAUAN KARYA/KAJIAN

Dalam *tulisan Rahmad Sukor Ab. Samad*¹, menyatakan bahawa pelajar yang mendapat semua A dalam peperiksaan biasanya akan di anggap sebagai pelajar yang cergas, pintar, dedikasi, dan pelajar luar biasa. Fenomena ini ada kaitan dengan ukuran masyarakat bahawa pencapaian cemerlang dalam peperiksaan sebagai kayu ukur kejayaan seseorang.

Untuk menjadi pelajar cemerlang sudah semestinya pelajar tersebut mempunyai rahsia atau ramuan. Secara kesimpulannya pelajar itu perlu mempunyai tabiat belajar yang konsisten sepanjang semester atau sepanjang masa. Sebagai contoh, mengulangkaji pelajaran dan aktiviti belajar dalam diri mereka.

Selain belajar secara berkumpulan, belajar secara individu jika kena pada masanya juga dapat membantu seseorang berjaya dalam peperiksaan. *Begitulah seperti yang ditulis oleh Rahmad Sukor Ab. Samad dalam ruangan “teknik belajar”²* sekali lagi. Setiap kaedah yang di gunakan ada kelebihan dan kelemahan masing-masing. Ini kerana belajar secara individu boleh memberikan hasil jika dilakukan dengan sistematik dan akur dengan tatacaranya. Seseorang pelajar katanya lagi perlu mengetahui strategi pembelajaran yang sesuai dan paling berkesan yang boleh dilakukan ke atas diri sendiri sehingga pendekatan yang di pilih adalah yang terbaik dan dapat dilaksanakan dengan

¹ Dewan Siswa keluaran Mei 2002; Kepentingan Ulangkaji Dalam Aktiviti Belajar

² Dewan Siswa keluaran Jun 2001; Strategi Belajar Secara Individu